

## KERATAN AKHBAR

TARIKH : 22 SEPTEMBER 2022  
AKHBAR : HARAKAH DAILY  
MUKA SURAT : 11

### Projek infrastruktur rancak ekonomi Kelantan

# Projek infrastruktur rancak ekonomi Kelantan

Oleh MUHAMMAD ARIF ISMAIL

**KOTA BHARU:** Kerajaan Persekutuan memperuntukkan sebanyak RM75.6 bilion tahun ini di bawah Rancangan Malaysia Ke-12 (RMK12) kepada enam negeri kurang membangun termasuk Kelantan.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Ekonomi), Dato' Seri Mustapa Mohamed berkata, sebanyak 50 peratus peruntukan tersebut bagi melaksanaan pembangunan.

Katanya peruntukan kepada Kelantan sebanyak RM2.39 bilion tahun ini, berbanding RM1.9 bilion tahun 2021.

"Sehingga 1 September lepas sejumlah 396 projek di bawah RMK12 diluluskan. Ia melibatkan 75 projek baru dan 321 projek sambungan.

"Sehingga kini sebanyak RM1.1 bilion daripada jumlah peruntukan sudah dibelanjakan," katanya selepas Sesi Lembaga Urus bersama Pegawai



Mustapa Mohamed dan Azami Mohd Nor bersama pegawai kerajaan negeri dan persekutuan.

wai Kerajaan Persekutuan dan negeri mengenai projek pembangunan dan peruntukan pembangunan di bawah RMK12 di Kompleks Kota Darulnaim baru-baru ini.

Hadir sama anggota Exco kerajaan negeri, Dato' Sri Azami Mohd Nor dan Timbalan Setiausaha Kerajaan Negeri (Pembangunan), Dato' Dr Tengku Mohamed Fazihahruddin Tengku Feissal.

Mustapa berkata, antara projek utama yang diluluskan iaitu Central

Spine Road (CSR), pembinaan Lebuhraya Kota Bharu-Kuala Krai dan menaiktaraf Lapangan Terbang Sultan Ismail Petra.

Selain itu pembinaan Jambatan Palekbang-Kota Bharu, Lembangan Sungai Bersepadu Sungai Golok dan Lembangan Sungai Bersepadu Sungai Kelantan serta pembinaan Bangunan Gunasama Persekutuan Kota Bharu.

"Projek infrastruktur seperti CSR dan Lebuhraya Kota Bharu-Kuala Krai penting untuk me-

ningkatkan jaringan merentas negeri yang akan merancakkan lagi pertumbuhan ekonomi negara," katanya.

**Edisi Baharu 2022**  
**Sempena Kami menerbiti Almarhum T**